

Galak pelajar amal tabiat hidup sihat

TINJAUAN Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2022 menunjukkan satu pertiga daripada remaja berumur antara 13 hingga 17 tahun mempunyai berat badan berlebihan atau obes.

Selain itu, penemuan lain mendapati satu daripada 20 kanak-kanak Malaysia yang berumur antara lima hingga sembilan tahun mengalami gangguan mental seperti kebimbangan dan kemurungan.

Prihatin dengan isu kesihatan membabitkan kanak-kanak dan remaja mendorong AIA Malaysia melancarkan program Sekolah Tersihat bagi menggalakkan tabiat hidup sihat dalam kalangan golongan sasaran.

Inisiatif dengan kerjasama

Jom raikan!

Hasilkan karya seni yang merakan buah-buahan dan sayur-sayuran yang tumbuh di sekeliling anda!

• Dapatkan buah-buahan dan sayur-sayuran untuk menghasilkan pelangi yang berkesan-berarti.

ATAU

• Dapatkan warna buah-buahan dan sayur-sayuran.



AMALAN pemakanan sihat meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan.

LeapEd itu merangkumi amalan pemakanan sihat, gaya hidup aktif, kesejahteraan mental di samping kesihatan dan kelestarian di sekolah.

Ketua Pegawai Eksekutif

AIA Malaysia, Ben Ng berkata, pendekatan proaktif itu secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kesihatan dan kesejahteraan

anak-anak melalui sumber dan bahan pendidikan yang boleh dipercayai serta mudah diakses.

Hal itu kerana, kesihatan adalah aset terpenting dalam memastikan generasi akan datang berpeluang menjalani kehidupan yang lebih sihat, ceria dan bermakna.

“Sebagai organisasi yang memperjuangkan kehidupan lebih sihat, berpanjangan dan bermakna, ini adalah sebahagian usaha kami dalam menangani isu kesihatan pelajar yang membimbangkan.

“Kita akan memperluaskan advokasi Program Sekolah Tersihat AIA ini selaras untuk membantu kanak-kanak menjadi versi terbaik diri mereka,” katanya baru-baru ini.

Program yang terbuka

kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah itu menyediakan bahan dan sumber yang boleh dimuat turun secara percuma dalam pelbagai bahasa antaranya filem pengenalan, aktiviti fleksibel, rancangan pengajaran dan permainan menyeronokkan.

Bahan dan sumber itu berupaya memberi nilai tambah dalam usaha memperkenalkan konsep kesihatan dan kesejahteraan yang lebih berkesan di bilik darjah.

Selain itu, Program Sekolah Tersihat AIA turut menawarkan ganjaran bernilai AS\$100,000 kepada sekolah yang menunjukkan usaha kesihatan dan kesejahteraan terbaik.